



RENCANA

Oleh **Ruhaiza Rusmin**

ruhaizarusmin@
mediaprima.com.my

Program 'We Care We Love Wildlife' di Sekolah Kebangsaan Kompleks KLIA, Nilai, Negeri Sembilan, baru-baru ini disambut meriah dengan penyertaan lebih 100 murid tahun empat, lima dan enam.

Program dianjurkan Tun Hussein Onn Wildlife Defenders (THWD) dari Universiti Tun Hussein Onn (UTHM), Johor sempena program 'Raja Zarith Sofiah Wildlife Defenders Challenge 2013.

Antara aktiviti diadakan ialah pertandingan mewarna dan ceramah berkaitan hidupan liar yang disampaikan pihak sekretariat.

Pengarah program Afif Ammar Saiful Azhari berkata, program berkenaan berjaya meningkatkan kesedaran murid mengenai kepentingan memelihara hidupan liar di seluruh dunia.

Menurutnya, pendedahan itu juga sekali gus mampu membina dan memupuk semangat cinta terhadap hidupan liar pada usia muda.

"Program ini bertujuan memberi pendedahan lanjut

Tingkat kesedaran pelihara hidupan liar



CERIA dan gembira sewaktu bergambar kenangan.

kepada murid mengenai hidupan liar yang kian pupus ditelan zaman.

"Malah, pada masa sama ia menjadi platform untuk memberi pelbagai maklumat kepada golongan sasaran," katanya.

Turut diadakan acara sukaneka bagi menguji pengetahuan murid mengenai hidupan liar, kepantasan dan kepintaran peserta dalam menyelesaikan tugas diberikan.

Guru kaunseling, Anisah Abd Karim berkata, program dianjurkan itu dapat memberi maklumat dan pengetahuan mengenai aspek

pemeliharaan dan pemeliharaan alam sekitar.

"Kita mungkin tidak tahu nama saintifik haiwan dan peranannya dalam kitaran hidup. Menyerusi program ini banyak maklumat berguna mampu disalurkan," katanya.

Bagi program 'Raja Zarith Sofiah Wildlife Defenders Challenge 2013', daripada 20 sekolah yang bertanding, lima sekolah rendah dan tujuh sekolah menengah berpeluang meneruskan cabaran peringkat ketiga.

Institusi pengajian tinggi seperti UTHM, Universiti Teknologi Malaysia dan Politeknik Ibrahim Sultan, Pasir Gudang turut meneruskan cabaran serupa.